

15 MAY 2000

Sukan-Badminton (Analisis-Malaysia)

PERSEMBAHAN HAMBAR GUGAT KEDUDUKAN FADZIL

Oleh: Zaiful Mohamad Ariffin

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Persembahan hambar skuad badminton negara pada dua perlawanan peringkat Kumpulan A Pusingan Akhir Piala Thomas di sini, bukan sahaja menjejaskan peluang mara ke separuh akhir malah menggugat kedudukan presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Datuk Abdullah Fadzil Che Wan.

Kekalahan 2-3 kepada Korea Selatan dan kemenangan 4-1 ke atas India semalam menampakkan kerapuhan mental pemain negara dalam menangani tekanan yang dihadapi pada kejohanan kali ini.

Nada keyakinan yang dilaungkan oleh Fadzil di sepanjang promosi dan latihan pasukan negara menjelang kejohanan sebenar di Stadium Putra Bukit Jalil di sini, kian tenggelam dengan persembahan buruk yang dipamerkan oleh para pemain kebangsaan.

Malah, cagaran tinggi yang diletakkan Fadzil iaitu akan melepaskan jawatan presiden BAM seandainya Malaysia gagal menjulang Piala Thomas di tempat sendiri kali ini, nampaknya bakal memakan diri sendiri.

Persoalannya sekarang ialah apakah pemain-pemain negara sudah cukup yakin untuk menjulang Piala Thomas 2000 atau hanya pegawai yang meletakkan keyakinan tinggi kepada mereka.

Tindakan pegawai yang sentiasa melaungkan bahawa Malaysia akan mara ke peringkat akhir dan menjulang kejuaraan ternyata mengongkong minda pemain dan memberi tekanan yang tidak tertanggung oleh mereka.

Apatah lagi dengan sokongan yang ditunjukkan oleh peminat-peminat badminton negara yang hadir menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya kesemua 22 juta rakyat negara memberikan sokongan padu kepada skuad Malaysia.

Jika diamati persembahan pemain negara dalam dua perlawanan awal itu, ternyata barisan negara belum mampu memasang angan-angan untuk muncul juara walaupun beraksi di gelanggang sendiri.

Kekalahan 2-3 kepada Korea Selatan masih mampu diterima oleh peminat negara setelah menyaksikan pasukan itu mengejutkan pilihan kedua, Denmark dengan keputusan yang sama semalam.

Tetapi persembahan pemain ketika mencatat kemenangan 4-1 ke atas India, lawan yang seharusnya menjadi medan belasan untuk skuad negara, mengejutkan banyak pihak terutama peminat yang hadir.

Malah, bukanlah sesuatu yang mengejutkan apabila pasangan beregu utama negara Choong Tan Fook/Lee Wan Wah diejek oleh penonton sendiri yang bosan dengan sikap sambil lewa yang ditunjukkan ketika menentang Markose Bristow/Vijaydeep Singh dari India.

Sikap terlampau yakin untuk menang menyaksikan Tan Fook/Wan Wah tewas mengejut 7-15 pada set pertama sebelum bangkit dengan kemenangan 15-2, 15-1 dalam set seterusnya.

Bagi jurulatih perseorangan negara, Misbun Sidek, para pemain negara harus sedar bahawa keadaan sudah menjadi kian sukar untuk pasukan kebangsaan mara ke separuh akhir.

"Mereka kena tumpukan perhatian sepenuhnya untuk mengatasi Denmark, sebuah pasukan yang terkenal dengan barisan perseorangan mantap yang diterajui oleh pemain nombor satu dunia, Peter Gade-Christensen," katanya.

Malah kelebihan dilihat berada di tangan pasukan lawan yang mula menunjukkan peningkatan dalam acara beregu terutama pasangan kedua mereka, Jens Eriksen/Jesper Larsen yang berjaya menundukkan pasangan nombor tiga dunia dari Korea Selatan, Lee Dong Soo/Yoo Yong Sung semalam.

Oleh itu, pemain negara perlu bangkit dan tampil dengan persembahan sebenar jika ingin merealisasikan impian mereka dan 22 juta rakyat Malaysia untuk mengulangi sejarah kejayaan Piala Thomas 1992 di sini.

-- BERNAMA

ZMA NAK